

## KEPERLUAN KAJIAN SEMULA HAD KIFAYAH ASNAF FAKIR DAN MISKIN DI BAHAGIAN ZAKAT MELAKA

**Rahisam Ramli\***

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

**Rozita Baba**

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

**Mohamad Nazli Omar**

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

**Mohd Azam Yahya**

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

**Shahrul Hilmie Othman**

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

**Roslina Hashim**

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

**Norizan Samri**

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

\*Corresponding Author's Email: [rahisam@unimel.edu.my](mailto:rahisam@unimel.edu.my)

### **Article history:**

*Received* : 20 November 2023

*Accepted* : 4 Disember 2023

*Published* : 22 Disember 2023

### **ABSTRAK**

Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan kajian taksiran semula had kifayah dan kebolehlaksanaan di Bahagian Zakat Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). Peningkatan kos sara hidup menyebabkan kadar kecukupan keperluan asas turut meningkat. Tanpa pengukuran had kifayah semasa memberi implikasi permohonan asnaf fakir dan miskin dalam menerima bantuan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mengumpul dan menganalisis data. Data

primer diambil menerusi dokumen rujukan seperti rujukan kitab Fiqh mengenai had kifayah, Enakmen, Garis Panduan atau keputusan jawatankuasa muzakarah, keputusan fatwa berkaitan had kifayah. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis tematik secara induktif dan deduktif agar dapat merumuskan dapatan kajian dengan menggunakan perisian Atlas.ti versi 23. Kajian mendapatkan terdapat sepuluh (10) faktor mengapa had kifayah perlu dikaji semula. Justeru dicadangkan sebuah kajian untuk menentukan had kifayah bagi asnaf fakir dan miskin dalam permohonan zakat di Melaka.

**Kata Kunci:** Had Kifayah; Asnaf; Fakir; Miskin; Zakat

## ***THE REQUIRMENT FOR A REVIEW OF HAD KIFAYAH FOR THE NEEDY AND POOR PEOPLE IN ZAKAT DIVISIONMELAKA***

### ***ABSTRACT***

*This paper aims to identify the need for a reassessment study of the kifayah limit and feasibility in the Zakat Division of the Malacca Islamic Religious Council (MAIM). The increase in the cost of living causes the rate of adequacy of basic needs to increase. Without measuring the current kifayah limit, it gives implications to the poor and needy asnaf's application in receiving aid. This study uses qualitative methods to collect and analyze data. Primary data is taken through reference documents such as Fiqh book references on kifayah limits, Enactments, Guidelines or muzakarah committee decisions, fatwa decisions related to kifayah limits. The data was analyzed using the method of content analysis and thematic analysis in an inductive and deductive manner in order to be able to summarize the findings of the study using Atlas.ti software version 23. The study found that there are ten (10) factors why the kifayah limit needs to be reviewed. Therefore, a kifayah limit is proposed to determine the poor and needy asnaf for zakat application in Malacca.*

**Keyword:** Had Kifayah, Asnaf, Needy, Poor, Zakat

### **PENDAHULUAN**

Had Kifayah merupakan kaedah pengukuran untuk menentukan kelayakan seseorang asnaf sama ada sebagai asnaf fakir atau miskin. MAIM mengamalkan konsep had kifayah (kadar kecukupan) sebagai pra-syarat dalam menentukan sama ada seseorang individu perlu membayar zakat atau perlu menerima zakat di Melaka. Had kifayah dimasukkan dalam dokumen tatacara siasatan untuk menentukan kelayakan asnaf fakir atau miskin . Penentuan had ini perlu melalui proses penilaian taksiran pendapatan individu dalam sesbuah keluarga. Item-item penolakan dan keperluan asasi individu juga menjadi asas utama penentuan had kifayah tersebut.

Memandangkan taksiran had kifayah di Melaka telah diguna pakai sekian lama, maka pentaksiran semula perlu dilaksanakan bagi memastikan fleksibiliti had

kifayah zakat terlaksana di negeri ini. Ramai pengkaji yang menyatakan had kifayah perlu disemak semula mengikut peredaran masa, tempat dan keperluan semasa. Umpamanya kajian oleh Abdul Rahman Talib & Hasan Ahmad, 2019; Ahmad Fahme Mohd Ali et al., 2014; Anggoro Sugeng & Asmak Ab Rahman, 2016; Azman Ab Rahman et al., 2020; Nur Fatin Adilah Rohaizan et al., 2020 dan Zulfaqar Mamat & Hamzah Abd al-Karen Hamad, 2018. Justeru, terdapat keperluan untuk mengkaji semula kadar had kifayah untuk asnaf fakir dan miskin di Melaka berdasarkan keperluan asas, barang pengguna dan perbelanjaan bulanan bagi setiap asnaf.

## HAD KIFAYAH DAN HUBUNGAN DENGAN ASNAF FAKIR DAN MISKIN

Apakah hubungan antara had kifayah dan asnaf fakir dan miskin. Menurut Mohammad Azam, Alias & Muhammad Hafiz (2021) prosedur saringan merupakan langkah terpenting dalam memastikan setiap asnaf yang benar-benar layak menerima zakat. Malah, kriteria dan kelayakan sebagai pemohon zakat dapat dikenal pasti secara lebih sistematik tanpa berlaku keciciran atau ruang penipuan kelayakan..

Dari segi sifat, had kifayah adalah suatu yang dinamik dengan mengambil kira perubahan keadaan individu dan masyarakat. Tiada had pendapatan tetap atau universal yang secara langsung sepadan dengan had kifayah. Ia adalah konsep yang fleksibel dan bergantung kepada konteks yang bertujuan untuk memastikan setiap orang mempunyai akses kepada keperluan asas mereka sambil menggalakkan mereka yang mempunyai lebihan sumber untuk menyumbang kepada kesejahteraan ahli masyarakat yang kurang bernasib baik.

*Kifayah* berasal dari kalimah bahasa Arab *al-kufyah* yang bermaksud sesuatu yang mencukupi untuk kehidupan, dikatakan: *al-kufyah* ialah makanan asasi atau kurang daripada makanan asasi (Ibn Manzur, 1990). Dari aspek bahasa, *had al-kifayah* diambil dari bahasa Arab, iaitu perkataan *had* (حد) yang bererti “had” dan *المعنى* (المعنى) dan perkataan *(من كفى بكمي كفافية)* yang bererti cukup.

Manakala dari segi istilah, had kifayah ialah kadar minima keperluan asas seseorang (pada kebiasaannya). Daripada perspektif zakat, seseorang yang tidak memenuhi had al-kifayah, maka diiktiraf sebagai golongan fakir dan miskin. Dari sini difahami bahawa *had al-kifayah* adalah merupakan kadar kecukupan ekonomi yang selayaknya bagi menjamin kelangsungan hidup seorang individu serta mereka yang berada dalam tanggungannya. Istilah lain yang biasa digunakan untuk menunjukkan had al-kifayah ialah *al-hajjah al-asliyyah* (keperluan asas) dan juga *had al-ghina’* tahap kekayaan (Anggoro Sugeng & Asmak Ab Rahman, 2016).

*Kifayah* dari segi istilah juga digunakan dalam beberapa maksud, kadang-kadang dengan makna perbuatan penting yang dikehendaki oleh syarak untuk melakukannya tanpa melihat kepada siapa pelakunya kerana ia berkait dengan maslahah umat keseluruhannya, ia dinamakan fardhu kifayah seperti solat jenazah dan menjawab salam. Kadang-kadang kifayah berkait dengan keahlian seseorang untuk menjalankan tugas penting yang bersangkutan dengan kemaslahatan umat seperti tugas-tugas khas dan kepentingan awam (al-Jassas, 1994). Adapun makna yang dikehendaki dalam penulisan ini kifayah ialah keperluan asasi manusia, iaitu

sesuatu yang secara pasti menghindarkan manusia dari kebinasaan seperti nafkah, tempat tinggal, pakaian, peralatan yang dapat menghindar manusia dari panas dan sejuk atau secara tanggapan seperti hutang, maka orang yang berhutang perlu melangsakan hutangnya mengikut kadarnya untuk mengelak dari dikenakan hukuman yang dianggap seperti satu kebinasaan (Ibn Abidin, 1992).

Menurut MAIWP had kifayah merujuk kepada suatu kadar keperluan asas minimum yang ditetapkan berdasarkan kos sara hidup semasa. Had ini juga digunakan bagi mengetahui kadar yang perlu dibantu untuk menepati kecukupan perbelanjaan asasi. Penilaian yang dibuat dalam menentukan Had kifayah ini merangkumi 6 aspek keperluan asas iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan. (MAIWP [www.maiwp.gov.my](http://www.maiwp.gov.my) yang diakses pada 23 Februari 2021). Secara asas MAIM juga mengguna pakai maksud had kifayah seperti mana dilakukan oleh MAIWP. Jadual 1 menunjukkan fungsi had kifayah menurut pengarang.

**Jadual 1:** Fungsi Had Kifayah dalam Zakat

Pengarang (Tahun)	Pernyataan	Kod
Abdul Rahman Talib & Hasan Ahmad, (2019)	<p>Ini bertujuan supaya zakat dapat memenuhi keperluan sara hidup seseorang untuk hidup dalam keselesaan dan mengelakkan daripada tersalah agih atau memberikan zakat kepada golongan yang tidak layak.</p> <p>Imam Shafie r.a. amat menitik beratkan dalam urusan agihan ini agar tidak berlaku kesilapan sehingga mengagihkan kepada mereka yang bukan di kalangan asnaf sebagaimana ketetapan Allah dan rasul- Nya. Malah menurut ulama mazhab Maliki, Shafi'i dan Hanbali apabila seseorang memberikan zakat kepada seseorang berdasarkan sangkaannya ia adalah asnaf tetapi ternyata ia bukan asnaf kemudiannya maka zakat tersebut tidak sah dan wajib mengambilnya kembali kerana menyerahkan kepada yang layak (Wahbab al Zuhaili, 1995).</p>	Mengurangkan risiko salah guna zakat
	<p>Di samping itu, had kifayah selain bertujuan menentukan kelayakan asnaf ia juga bertujuan untuk menentukan kelayakan sebagai pembayar zakat. Menurut Azman A.R. (2014), had kifayah adalah garis pemisah antara mereka yang perlu membayar zakat dan mereka yang berhak menerima zakat.</p>	Mengurangkan risiko salah guna zakat
		Penentuan kelayakan menerima zakat

Menurut Imam Hanafi, mereka yang mempunyai harta bernilai 200 dirham tidak harus menerima zakat kerana ia termasuk dalam golongan kaya. Imam Shafii pula tidak meletakkan syarat jumlah nilai dalam menentukan kelayakan zakat tetapi berdasarkan kepada kecukupan untuk keperluan asas walaupun ia mempunyai 1000 dirham. Manakala Imam Malik meletakkan syarat kelayakan sebagai fakir dan miskin ialah tidak mempunyai bekalan makanan asasi untuk tempoh satu tahun. Oleh itu, sekiranya ia hanya cukup bekalan makanan untuk tempoh kurang daripada setahun maka ia layak menerima zakat untuk tempoh yang kurang tersebut.	Penentuan kelayakan menerima zakat
Baligh dan Berakal, menurut Imam Shafii zakat hanya boleh diberikan kepada seorang yang baligh, berakal dan mampu menguruskan harta. Ulama Hanafi juga mensyaratkan zakat tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak yang berumur kurang daripada tujuh tahun dan orang yang gila atau tidak berakal kecuali kepada penjaganya.	Penentuan kelayakan menerima zakat
Beragama Islam adalah merupakan syarat utama dalam agihan zakat yang diamalkan di Malaysia kecuali terhadap orang bukan Islam bagi bertujuan untuk menjinakkan hati mereka kepada Islam yang dinamakan sebagai asnaf Muallaf menurut pendapat ulama Mazhab Maliki dan Hanbali. Manakala ulama Mazhab Shafii dan Hanafi pula menyatakan bahawa tidak harus memberikan zakat kepada orang kafir sekalipun bertujuan untuk menjinakkan hati kepada Islam kerana hukum keharusan mengagihkan zakat kepada bukan Islam adalah semasa umat Islam sedikit dan tidak kuat seperti yang terdapat pada masa sekarang (Wahbah al Zuhaili, 1995).	Penentuan kelayakan menerima zakat
Bermastautin atau penduduk tetap dalam negeri pemohon, syarat ini adalah merupakan kriteria yang diamalkan oleh semua MAIN dan AMZ dalam menentukan kelayakan sebagai penerima bantuan zakat kecuali bagi bantuan kecemasan bagi kes terputus bekalan semasa dalam perjalanan. Disebabkan zakat adalah dibawah bidang kuasa negeri maka setiap negeri	Penentuan kelayakan menerima zakat

	<p>mempunyai kawasan pemastautinan dan tidak boleh melampaui sempadan negeri lain dalam kutipan dan agihan. Malah menjadi kesalahan di bawah peruntukan Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah Negeri sekiranya mengutip di luar sempadan negeri.</p>	
	<p>Selain itu, kriteria sihat tubuh badan tetapi malas berusaha juga merupakan syarat untuk pertimbangan bantuan zakat dalam Islam sebagaimana sadba Rasulullah SAW yang bermaksud: <i>"Sedekah (zakat) tidak halal untuk orang kaya atau yang mempunyai tubuh sasa (mampu bekerja)"</i> - (Riwayat Imam at-Tirmizi)</p>	Penentuan kelayakan menerima zakat
Azman Ab Rahman et al., (2020)	<p>Tinjauan literatur mendapati bahawa terdapat banyak perbincangan berkaitan dengan had kifayah yang dijalankan oleh beberapa negeri mengikut keperluan item masing-masing. Maka, keperluan dalam membangunkan standard item had kifayah baharu, sebagai asas dan rujukan kepada setiap negeri dalam menentukan asnaf fakir dan miskin termasuk pembayar zakat. Hal ini kerana keperluan dalam penentuan kadar had kifayah oleh beberapa negeri yang lebih bersistematik dan berstruktur menggunakan enam item asas had kifayah. Maka, kadar had kifayah yang diperoleh oleh beberapa negeri akan lebih standard dan berstruktur.</p>	Penentuan kelayakan menerima zakat
	<p>Istilah had kifayah digunakan untuk mengukur kadar (keupayaan ekonomi) yang selayaknya bagi menjamin kelangsungan kehidupan seorang individu serta mereka yang di dalam tanggungannya. Ia bukan sekadar penentuan had minimum semata-mata tetapi ia menjangkaui persoalan tahap yang selayaknya bagi memastikan kelangsungan kehidupan seseorang serta tanggungannya (Sulaiman et al., 2000)</p>	Kadar keperluan
Muhammad Hisyam et al., (2023)	<p>Had ini juga digunakan bagi mengetahui berapakah kadar yang perlu dibantu untuk menepati kecukupan perbelanjaan asasi.</p>	Kadar keperluan
Nur Fatin Adilah Rohaizan et al., (2020)	<p>Oleh demikian, antara solusi yang boleh diketengahkan dalam memastikan agihan bantuan zakat yang diterima oleh asnaf fakir miskin adalah mencukupi memerlukan pusat zakat untuk membuat penilaian semula terhadap penetapan had kifayah secara berkala</p>	Kadar keperluan

---

kersesuaian dengan perubahan keadaan ekonomi yang seringkali berubah memandangkan penetapan had kifayah yang digunakan kini merupakan had kifayah berdasarkan kepada nilai purata bagi sesebuah negeri.

---

Selain itu juga, pusat zakat juga disarankan untuk mempertimbangkan pemberian agihan kepada golongan asnaf ini melebihi sedikit dari penetapan nilai had kifayah mereka. Melalui penerimaan bantuan zakat yang lebih banyak, kadar pertumbuhan populasi orang miskin dapat dikurangkan impak daripada kecukupan agihan bantuan zakat yang diperoleh.


Mansor Sulaiman et al., (2013)	Selain itu, ia juga menjadi garisan pemisah antara mereka yang layak menerima zakat dan mereka yang perlu membayar zakat. Barangsiapa yang pendapatannya melebihi had alkifayah perlu mengeluarkan zakat manakala mereka yang kurang daripada had ini layak menerima zakat sehingga tahap memenuhi tahap tertentu yang didefinisikan sebagai had kifayah itu sendiri. Oleh kerana had al-kifayah ini boleh berbeza dan berubah mengikut zaman dan tempat, maka pemerintah berperanan dalam mengenalpasti had ini. Ia dikira sebagai suatu kewajiban negara kerana melibatkan hak orang yang perlu membayar zakat serta hak mereka yang sepatutnya menerima zakat (Uwais, 2004, j.1:335). Secara umumnya, definisi ini menunjukkan bahawa had al-kifayah merupakan suatu garis penentu seorang itu telah mempunyai kecukupan dari sudut ekonomi dalam meneruskan kehidupan.	Kadar keperluan Penentuan kelayakan menerima zakat
--------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------------

*Sumber: Adaptasi dari tinjauan literatur*

## **ITEM-ITEM DIKIRA DALAM HAD KIFAYAH**

Had kifayah mempunyai item-item tersendiri yang mendasari maksud keperluan asas. Lazimnya, terdapat 6 item yang digunakan oleh Majlis Agama Islam Negeri untuk mengukur tahap kecukupan asnaf. Ia terdiri daripada makanan, kesihatan, pendidikan, pakaian, pengangkutan dan tempat tinggal. Namun, ada pengkaji turut menemui lain-lain item seperti peralatan rumah, urusan nikah, alat komunikasi, peralatan komputer dan kitab-kitab yang sesuai digunakan untuk asnaf. Penambahan item tersebut dilihat sesuatu yang normal dan diterima oleh masyarakat atas nama mencukupi keperluan asas hidup. Bagaimanapun ia menjadi sifat terbuka agar had

kifayah benar-benar menjadi pengukuran yang bersifat dinamik seperti mana yang disebut oleh pengkaji lepas. Item had kifayah boleh dirujuk pada Rajah 1.



**Rajah 1:** Item Had Kifayah

Berikut adalah jadual yang merumuskan item-item baharu had kifayah berdasarkan pengarang.

**Jadual 2:** Senarai Pengarang dan Item-Item Had Kifayah

Pengarang (Tahun)	Item-Item Had Kifayah
Abdul Rahman Talib & Hasan Ahmad, (2019)	Makanan, merupakan keperluan utama bagi setiap individu yang termasuk dalam maslahah daruriyah yang mesti dimiliki oleh seseorang bagi menjamin maksud maqasid syariah iaitu untuk hifz nafs (memelihara nyawa). Ia juga termasuk dalam kategori kemudahan asas hidup seseorang individu.

---

Tempat tinggal, ia adalah keperluan asas hidup yang diperlukan oleh seseorang untuk menjamin kehidupan yang selamat dan sejahtera. Ia termasuk dalam perkara hifz mal (memelihara harta) dan hifz nasab (memelihara keturunan) yang sama pentingnya dengan makanan.

---

Pakaian, ia termasuk perkara penting dan utama dalam kehidupan yang dikategorikan sebagai hifz din (memelihara agama) dan hifz nasab (memelihara keturunan). Ini kerana pakaian adalah merupakan keperluan untuk menutup aurat dan mengelakkan daripada pandangan yang boleh membawa kepada keinginan hawa nafsu.

---

Kesihatan, ia adalah keperluan yang termasuk dalam kategori hifz nafs (memelihara nyawa) dan hifz din (memelihara agama). Anggota yang sihat akan menjamin kesempurnaan dalam melaksanakan ibadah seperti solat, puasa dan haji. Begitu juga keperluan untuk memelihara kesihatan adalah untuk menjamin tubuh yang sihat dan kuat serta mampu untuk mencari nafkah diri dan tanggungannya serta berjihad fi Sabilillah.

---

Pendidikan, ia adalah suatu keperluan utama dalam memastikan seseorang memahami akan hukum hakam dalam Islam serta menjauhkan daripada syirik kepada keperluan pendidikan ini termasuk yang bersifat fardhu ain dan fardhu kifayah. Pendidikan dapat menjauhkan manusia daripada kejahilan dan dengan ilmu pengetahuan maka manusia mampu untuk mentadbir alam ini dengan makmur dan sejahtera berlandaskan syarak. Ia termasuk dalam kategori hifz din (memelihara agama, hifz aql (memelihara akal) dan hifz nasab (memelihara keturunan).

---

Zulfaqar Mamat & Hamzah Abd al-Karen Hamad, (2018)

Kitab-kitab. Para fuqaha tidak mengehadkan bahawa kitab-kitab hanya berkaitan ilmu syariah sahaja, kitab-kitab yang diperlukannya sekalipun jarang digunakan seperti sekali setahun yang bersangkutan dengan ilmu syar’ie

---

Alat-alat pertukangan dan kemahiran. Fuqaha Hanafiah menggolongkannya dalam keperluan asasi. Ibn Abidin berkata: Keperluan asasi ialah perkara yang menghalang kecelakaan dari manusia secara hakiki seperti nafkah, tempat tinggal, alat perperangan, pakaian yang diperlukan untuk mengelak panas atau sejuk atau keperluan secara taqdiri seperti hutang, sesungguhnya pembiutang perlu membayar hutangnya dengan harta yang ada ditangannya untuk mengelak dari ditahan yang diumpamakan seperti kecelakaan sepertimana juga alat-alat pertukangan (Ibn Abidin, 1992)

---

Nikah. Fuqaha Malikiah dan Shafiiyah telah mengharuskan pemberian zakat kepada orang fakir untuk bernikah sekiranya dia berhajat kepadanya. Al-Ramly berkata: Sekiranya ada keperluan untuk bernikah sedangkan dia tiada harta bersamanya maka boleh diberi mengikut keperluan perbelanjaannya (al-Ramly, 1984). Al-Dasuqi berkata: bahawa anak yatim (perempuan) diberi wang zakat mengikut keperluannya dari keperluan-keperluan nikah (al-Dasuqi, t.th.)

Perawatan dan Perubatan. Al-Ramly daripada fuqaha al-Shafiyyah mengisyaratkan bahawa doktor apabila memerlukan buku perubatan atau alat-alat perubatan untuk merawat manusia, maka dia tidak perlu membelinya tetapi dibeli menggunakan wang zakat (al-Ramly, 1984), adapun memberi zakat kepada fakir untuk mendapat rawatan tidak syak lagi merupakan satu keperluan untuk menjaga.

Alat komunikasi. Telefon pada masa dahulu dianggap sebagai perkara sampingan (penyempurnaan), adapun pada hari ini telefon tangan dianggap sebagai satu kemestian dan jarang didapati manusia yang tidak memiliki pada hari ini. Kebanyakan Negara juga menggunakan jaringan komunikasi ini dalam urusan kerajaan dan perhubungan dengan pelanggan mereka dari pelbagai lapisan.

Peralatan komputer dan laptop. Pada zaman ledakan maklumat hari ini kita mendapati jarang rumah yang tidak mempunyai computer yang merupakan alat asas untuk berhubung, bekerja dan belajar. Maka boleh dikatakan harus untuk mengeluarkan zakat bagi membeli computer kepada individu yang memerlukannya untuk bekerja atau belajar dengan menqiasannya ke atas alat-alat pekerjaan yang disebutkan oleh fuqaha silam. Begitu juga diharuskan pembelian pengimbas sekiranya pekerjaannya memerlukan alat tersebut. Kesemua itu dengan syarat tiada pihak lain yang menyediakan perkhidmatan tersebut secara percuma seperti pembekalan komputer secara percuma kepada sekolah untuk tujuan pembelajaran


Peralatan rumah. Banyak peralatan rumah diperlukan pada hari ini seperti peti sejuk, mesin basuh, televisyen, dvd, permainan kanak-kanak dan seumpamanya yang mana pada zaman dahulu dianggap sebagai harta mewah, tetapi pada hari ini ia menjadi satu keperluan asasi seperti penyaman udara, peti sejuk dan mesin basuh, kesemua ini boleh dibeli daripada duit zakat.

---

- Mansor Sulaiman et al., (2013)
- Berdasarkan kepada perbincangan dan analisis di atas, elemen-elemen keperluan bagi diambil kira dalam pengiraan had al-Kifayah adalah seperti berikut: Makan-minum, Tempat tinggal- beserta keperluan asas dalam rumah, Pakaian yang baik, Pekerjaan (gaji yang masih tidak cukup) serta pemilikan alatan-alatan serta keperluan untuk menyempurnakan pekerjaan tersebut, Pengangkutan / kenderaan Sejumlah wang bagi sara hidup harian (dalam keadaan masih tidak mencukupi) Kos-kos untuk menampung kehidupan berkeluarga Keperluan semasa yang boleh membawa seseorang keluar daripada kemiskinan dalam jangka panjang. (contoh: pendidikan) Selain daripada elemen-elemen di atas, elemen-elemen lain yang dilihat dalam keadaan semasa adalah keperluan bagi melengkapkan kehidupan seseorang selari dengan tahap hidup semasa di sesuatu tempat juga perlu diambil kira. Contohnya ialah keperluan berkaitan komunikasi, buku-buku dan peralatan pelajaran anak-anak sama ada peringkat sekolah atau universiti dan sebagainya.

## KEPERLUAN TAKSIRAN SEMULA HAD KIFAYAH

Isu-isu Had Kifayah yang perlu ditaksir semula mendapat kecukupan seseorang tidak sama dengan kecukupan orang lain. Ini disebabkan oleh demografi berbeza dan memberi kesan kepada corak perbelanjaan masing-masing. Rajah 2 menggambarkan 10 keperluan kajian Had Kifayah.



**Rajah 2:** Cadangan Untuk Keperluan Had Kifayah Baharu

Prosedur saringan merupakan perkara penting dalam agihan zakat. Kajian oleh Mohammad Azam, Alias & Muhammad Hafiz (2021) mendapat prosedur saringan

merupakan langkah terpenting dalam memastikan setiap asnaf yang benar-benar layak menerima zakat. Di samping itu, kriteria dan kelayakan sebagai pemohon zakat dapat dikenal pasti secara lebih sistematik tanpa berlaku keciciran atau ruang penipuan kelayakan. Prosedur khusus dan teratur dalam proses saringan kelayakan asnaf juga mampu memberi nilai tambah dalam kerangka transformasi tadbir urus institusi zakat di Malaysia khususnya dalam aspek agihan dana zakat kepada asnaf sebagaimana yang telah termaktub di dalam al-Qur'an.

Abdul Rahman Talib & Hasan Ahmad (2019) menyatakan ketidakseragaman dalam penentuan kadar dan penilaian Had Kifayah ini juga disebabkan oleh penggunaan metode dan agensi penyelidikan yang berbeza dalam membuat kajian dan penyelidikan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Agensi Mengurus Zakat Negeri (AMZ). Selanjutnya beliau menyatakan bagi memastikan supaya hak asnaf fakir dan miskin sentiasa terbela dan dapat hidup dalam keselesaan sebagaimana tujuan daripada pensyariatan zakat, maka MAIN dan AMZ hendaklah sentiasa membuat penilaian dan penyelidikan dari masa ke semasa agar keperluan hidup asasi dapat dipenuhi dan tidak menjadikan umat Islam sebagai umat yang lemah dan sentiasa meminta-minta (Abdul Rahman Talib & Hasan Ahmad, 2019).

Azman Ab Rahman et al (2020) menganalisis tinjauan literatur mendapati bahawa terdapat banyak perbincangan berkaitan dengan Had Kifayah yang dijalankan oleh beberapa negeri mengikut keperluan item masing-masing. Maka, keperluan dalam membangunkan standard item Had Kifayah baharu, sebagai asas dan rujukan kepada setiap negeri dalam menentukan asnaf fakir dan miskin termasuk pembayar zakat. Hal ini kerana keperluan dalam penentuan kadar Had Kifayah oleh beberapa negeri yang lebih bersistematik dan berstruktur menggunakan enam item asas Had Kifayah.

Maka, kadar Had Kifayah yang diperoleh oleh beberapa negeri akan lebih standard dan berstruktur. Beliau turut menyatakan Had Kifayah yang diamalkan sekarang perlu dikemaskini seperti menggunakan enam item asas Had Kifayah sebagai asas dan rujukan kepada setiap negeri dalam menentukan asnaf fakir dan miskin termasuk pembayar zakat. Hal ini bagi memastikan suatu penyalaras dalam menentukan Had Kifayah seseorang serta mampu mengetahui kadar Had Kifayah yang lebih sistematik dan berstruktur oleh beberapa negeri di Malaysia.

Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai item dalam penentuan Had Kifayah yang dilaksanakan oleh beberapa Majlis Agama Islam Negeri. Justeru, keperluan terhadap standard item Had Kifayah baharu perlu dibangunkan sebagai asas dan rujukan kepada setiap negeri dalam menentukan asnaf fakir dan miskin termasuk pembayar zakat. Kaedah pengiraan Had Kifayah adalah berbeza mengikut wilayah pemerintahan di Malaysia. Setiap negeri mempunyai cara yang tersendiri bagi memilih golongan asnaf yang sangat memerlukan bantuan. Bilangan penerima asnaf zakat terus meningkat saban tahun sehingga menggusarkan para pemerintah.

Hal ini kerana objektif bantuan zakat adalah untuk menjadikan golongan asnaf keluar dari kelompok asnaf dan menjadi para *muzakki* iaitu pembayar zakat. Namun begitu, penetapan Had Kifayah yang dijalankan oleh pemerintah pada masa kini banyak memberi kesan kepada jumlah penerima golongan asnaf di wilayah tersebut sehingga berlakunya peningkatan yang konsisten saban tahun. Oleh itu, keperluan kepada penetapan Had Kifayah yang lebih sistematik dan berstruktur perlu

dijalankan supaya ianya dapat mencapai objektif bantuan zakat (Azman Ab Rahman et al., 2020).

Kajian oleh Muhammad Hisyam et al (2023) merujuk kepada situasi ekonomi pada hari ini, Had Kifayah memerlukan semakan yang bersifat berkala memandangkan keadaan semasa cara hidup masyarakat. Beliau juga menyatakan bahawa pihak penyelidik mendapati, kajian Had Kifayah kali terakhir bagi negeri Pulau Pinang dilakukan adalah pada tahun 2003. Melihat kepada faktor ekonomi semasa, kajian semula Had Kifayah perlu dilakukan dengan kadar segera supaya Had Kifayah sentiasa relevan dengan ekonomi semasa. Had Kifayah merupakan suatu perkara yang tiada ketetapan khusus dari sudut syara’. Hal ini dinyatakan oleh Yusuf al-Qaradawi dalam kajian beliau dan begitu juga Imam Malik menyatakan bahawa perbahasan Had Kifayah bersifat terbuka kepada kajian yang lebih mendalam kerana ia melibatkan uruf had semasa yang sepatutnya dalam sesebuah masyarakat. Hakikat ‘uruf ini disandarkan kepada salah satu dalil dari al-Quran dari surah al-Baqarah ayat 233: maksudnya: “*dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya.*” Justeru, antara aspek penting dalam pengurusan zakat adalah penentuan Had Kifayah atau purata garis kemiskinan zakat. Had Kifayah ini perlulah disemak secara berkala agar ia kekal relevan sesuai dengan peningkatan kos sara hidup, jumlah pendapatan dan ekonomi setempat. Selain itu Had Kifayah juga perlu mengambil kira perbezaan antara kos sara hidup bandar, luar bandar dan kampung (Muhammad Hisyam et al., 2023).

Kajian Rohaizan et al (2020) merumuskan dapatan kajian menunjukkan peningkatan jumlah fakir miskin bukan disebabkan oleh kemerosotan jumlah kutipan zakat. Ia disebabkan oleh jumlah zakat diterima fakir miskin tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan asas atau Had Kifayah mereka. Ini menyebabkan jumlah fakir miskin kekal sepanjang tahun walaupun bantuan zakat telah diberikan. Kajian ini mencadangkan agar pusat zakat mempertimbangkan jumlah pemberian zakat sewajarnya berpandukan kepada keperluan sebenar atau Had Kifayah sebenar asnaf fakir miskin. Kajian oleh Naziruddin et al. (2014) yang telah menghasilkan metode untuk mengukur keberkesanan zakat dalam mengurangkan kemiskinan menggunakan indeks BNDI (*Basic Needs Deficiency Index*). Selanjutnya beliau mendapati bagi pemberian agihan bantuan zakat yang berkadaran 50% dari jumlah Had Kifayah, jumlah bantuan agihan yang diterima adalah mencukupi dan melebihi daripada jumlah Had Kifayah bagi isi rumah golongan asnaf tersebut. Oleh demikian, antara solusi yang boleh diketengahkan dalam memastikan agihan bantuan zakat yang diterima oleh asnaf fakir miskin adalah mencukupi memerlukan pusat zakat untuk membuat penilaian semula terhadap penetapan Had Kifayah secara berkala bersesuaian dengan perubahan keadaan ekonomi yang seringkali berubah memandangkan penetapan Had Kifayah yang digunakan kini merupakan Had Kifayah berdasarkan kepada nilai purata bagi sesebuah negeri (Nur Fatin Adilah Rohaizan et al., 2020).

Zulfaqar Mamat & Hamzah Abd al-Karen Hamad (2018) menyatakan bahawa pemahaman kadar kifayah bersifat fleksibel merangkumi semua masa dan keadaan masyarakat Islam semasa senang dan selesa. Elemen-elemen terkini dan kesesuaianya dengan had kifayah perlu diterapkan. Penelitian terhadap penentuan

elemen-elemen sebelum ini menunjukkan Had Kifayah merupakan elemen ijtihad berdasarkan ‘uruf dan keadaan yang terbaik untuk manusia. Pada masa kini ‘uruf telah berubah, maka pandangan terhadap sesuatu barang juga berubah, sesetengah barang yang dahulunya merupakan pelengkap telah menjadi suatu yang penting (*dharuri*) dalam kehidupan masa kini. Sehubungan itu, penentuan atau kadar kifayah perlu dinilai menurut taraf kehidupan yang sepatutnya dan selayaknya dalam sesebuah masyarakat dan zaman yang berbeza. Beberapa elemen baru yang dikenalpasti seperti bantuan pendidikan, pembelian peralatan komputer, kenderaan dan sebagainya boleh dipertimbangkan antara keperluan yang boleh diguna pakai dalam pembahagian zakat pada masa kini (Zulfaqar Mamat & Hamzah Abd al-Karen Hamad, 2018).

Mansor Sulaiman et al. (2013) merungkai Had Kifayah dalam kalangan masyarakat Islam sebagai keperluan kaedah penentuan garis miskin dan kaya berasaskan keadaan semasa. Ia juga merupakan tahap yang boleh berubah mengikut keperluan individu di samping tertakluk juga kepada faktor-faktor lain seperti masa, tempat dan keadaan seseorang itu sendiri. Terdapat tiga ciri utama dalam persoalan kecukupan ini iaitu pertama ia merupakan had yang menentukan garis keperluan hidup yang selayaknya bagi sesebuah masyarakat, kedua ia sebagai keperluan yang boleh memungkinkan seseorang itu untuk mengembangkan pendapatannya dan bukan sekadar memenuhi keperluan dan ketiga aspek kecukupan itu boleh berubah mengikut perubahan-perubahan yang melingkungi kehidupan seseorang. Menerusi ciri-ciri ini ia dapat membantu dalam mengenal pasti elemen-elemen yang perlu diambil kira dalam pengiraan Had Kifayah memandangkan had ini merupakan persoalan yang tidak ada penentuan khusus daripada nas berkenaan kadar Had Kifayah. Bahkan perbahasan dalam bidang fiqh juga menunjukkan terdapat pelbagai pandangan ulama berkenaan had ini (al-Qaradhawi, 1991, j.2: 547). Imam Malik sendiri telah memberikan memberi pandangan bahawa persoalan ini terbuka kepada ijtihad, iaitu terbuka kepada kajian-kajian untuk menentukan had yang sepatutnya dalam sesebuah masyarakat (al-Zuhaily, 1989, j.6: 876). Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan kedinamikan Had Kifayah itu dalam berhadapan dengan keperluan masa dan tempat yang berbeza dan berubah-ubah (Mansor Sulaiman et al. 2013).

Anggoro Sugeng dan Asmak Ab Rahman (2016) merumuskan bahawa penilaian utama dalam penentuan Had Kifayah ialah harus selari dengan konsep Maqasid Syariah yang mencakupi pemeliharaan terhadap agama, nyawa, akal fikiran, keturunan dan harta. Dengan ketiadaan ketetapan daripada nas tentang had kifayah, maka Imam Malik menjelaskan bahawa persoalan ini terbuka kepada ijtihad, iaitu terbuka kepada kajian untuk menentukan had yang sepatutnya dalam sesebuah masyarakat. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan kedinamikan Had Kifayah, dalam berhadapan dengan keperluan masa dan tempat yang berbeza dan berubah-ubah. Penilaian yang dibuat dalam menentukan Had Kifayah ini merangkumi enam aspek iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan (Anggoro Sugeng & Asmak Ab Rahman, 2016).

## KOD PEMBUKTIAN KEPERLUAN MELAKSANAKAN KAJIAN

Sebagai langkah awal membuktikan kajian ini signifikan dan relevan adalah sebagaimana pembuktian melalui tinjauan literatur menerusi analisis jadual kod dan dokumen. Berikut adalah Jadual 3 berkaitan analisis kod dan dokumen rujukan.

**Jadual 3:** Analisis Kod Vs Dokumen

	Abdul Rahman Talib (2019) - Penilaian Kecukupan Keperluan Asas Diri dan Tanggungjawab	Azman Ab Rahman (2020) - Sorotan Literatur Kajian Penilaian Had	Muhammad Hisyam (2023) - Penentuan Kriteria Had	Rohaizan (2020) - Peningkatan Kenisikan Had	Zulfaqar Mamat (2018) - Penentuan Had Kifayah dan Kelayakan Had	Mansor Sulaiman et al. (2013) Had al-Kifayah dan Kelayakan Had	Anggoro Sugeng, Asmak Ab Rahman. (2016) Kajian Had	Bil
<b>Totals</b>	39	10	9	22	18	18	3	119
- kecukupan keperluan asas diri dan tanggungjawab	12	1	1	1	0	4	1	20
• Perlu kajian penilaian semula Gr=13	1	4	2	2	1	2	1	13
- 6 keperluan asas(kediaman, makanan, pakaian, perubatan, penilaian kelayakan menerima zakat)	6	0	0	1	0	1	0	8
- Penilaian kelayakan menerima zakat	6	1	0	0	0	1	0	8
□ Bantuan zakat tidak cukup Gr=4	0	0	0	4	0	0	0	4
○ Kadar keperluan	0	1	1	2	0	0	0	4
● Kaedah 'uruf	0	1	1	1	1	0	0	4
● Kos sara hidup	0	0	1	3	0	0	0	4
● Had kifayah berbeza ikut negeri	1	2	0	0	0	0	0	3
● Kesihatan	1	0	0	0	1	1	0	3
● Makanan	1	0	0	0	1	1	0	3
● Pakaiyan	1	0	0	0	1	1	0	3
● Pendidikan	1	0	0	0	1	1	0	3
● Pengangkutan	1	0	0	0	1	1	0	3
● Perubahan semasa	0	0	0	2	1	0	0	3
○ kecukupan hanya untuk setahun	0	0	0	0	0	1	1	2
○ Mengurangkan risiko salah guna had	2	0	0	0	0	0	0	2
● Merangkumi semua masa dan keadaan	0	0	0	1	1	0	0	2
○ Metod beza dengan PGK	1	0	0	1	0	0	0	2
○ Pandangan fuqaha	0	0	2	0	0	0	0	2
● Pekerjaan	0	0	0	0	1	1	0	2
● Tempat tinggal	1	0	0	0	0	1	0	2
○ 5 maqsad syariah	1	0	0	0	0	0	0	1
● Alat komunikasi	0	0	0	0	1	0	0	1
● Alat pertukangan dan kemahiran	0	0	0	0	1	0	0	1
○ Bandar atau luar bandar	0	0	1	0	0	0	0	1
● Fatwa Pahang	1	0	0	0	0	0	0	1
● Fatwa Selangor	1	0	0	0	0	0	0	1
● Fatwa Selangor: keperluan asasi	1	0	0	0	0	0	0	1
● Indeks BNDI	0	0	0	1	0	0	0	1
● Kadar kecukupan 50% dari had	0	0	0	1	0	0	0	1
● Kadar zakat perlu melepas had	0	0	0	1	0	0	0	1
● Kajian kuantitatif	0	0	0	1	0	0	0	1
● Kitab-kitab	0	0	0	0	1	0	0	1
● Nikah	0	0	0	0	1	0	0	1
● Peralatan komputer	0	0	0	0	1	0	0	1
● Peralatan rumah	0	0	0	0	1	0	0	1
● Perbezaan PGK dan Had Kifayah	0	0	0	0	0	1	0	1
● Rawatan dan perubatan	0	0	0	0	1	0	0	1
● Sifat fleksibel	0	0	0	0	1	0	0	1
● Wang perbelanjaan	0	0	0	0	0	1	0	1

Sumber: Adaptasi daripada tinjauan literatur

## SUMBANGAN PENGARANG

**Rahisam Ramli** meneliti keperluan had kifayah. **Rozita Baba, Mohamad Nazli Omar, Shahrul Hilmi Othman, Mohd Azam Yahya, Roslina Hashim, Norizan Samri** analisis data dan penyuntingan artikel.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan tidak dipertimbangkan oleh jurnal lain. Semua penulis telah meluluskan semakan itu, bersetuju dengan penyerahannya dan mengisyiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

## RUJUKAN

- Abd Allah Muhammed Farid, (1985). al-Qamus al-Farid fi al-Mal wa al-Iqtisād. Qahirah
- Abdul Rahman Talib, & Hasan Ahmad. (2019). Penilaian Kelayakan Asnaf Fakir Dan Miskin Berdasarkan Had Kifayah. International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC), 1(4), 23–41.
- Ahmad al-Sharbaşı, (1981). al-Mu‘jam al-Iqtisadi al-Islami. Dār al-Jayl
- Ahmad Fahme Mohd Ali, Ibrahim, M. F., Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, & Fuadah Johari. (2014). Konsep Dan Isu Had Kifayah, Kemiskinan Bandar Dan Jantina Dalam Pengagihan Zakat. Labuan E-Journal of Muamalat and Society, 8(2014), 14–26.
- al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Isma’il. 1422H. Ṣaḥīḥ al-Bukhari. Kaherah: Dar Tawq al-Naja
- Al-Fanjari, Muhammad Shauqi (2010) al-Islam wa al-Tawazun al-Iqtisadi baina al-Afrad wa al-Dual. Jil. 1. Wizarat al-Auqaf, <http://www.shamela.ws>
- Al-Jassas, Abu Bakr Ahmad bin Ali. (1994). Al-Fusul fi al-Usul. Wizarah al-Awqaf al-Kuwaitiah. Kuwait.
- Al-Mawardi, Ali bin Muhammad (450H). 2006. Al-Ahkam As-Sultaniyyah. Pentahkik: Ahmad Jad. Cetakan pertama. Al-Qahirah: Dar Al-Hadith.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syarf. (1972M/1392H). Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim. Dar Ihya’ al-Turath al-Arabi. Beirut.
- al-Islam Su’al wa Jawab. [islamqa.info/ar](http://islamqa.info/ar)
- al-Lajnah al-Daimah li al-Buhuth al-‘Ilmiyyah wa al-Ifta’. [www.alifta.net](http://www.alifta.net)
- Al-Multaqa al-Fiqhi. [fiqh.islammessage.com](http://fiqh.islammessage.com)
- Anggoro Sugeng & Asmak Ab Rahman. (2016). Eksplorasi Indikator Dalam Menentukan Fakir dan Miskin Berdasarkan Had Al-Kifayah Zakat: Kajian Di Lampung Indonesia. Jurnal Syariah, 24(3), 369–392.
- Azman Ab Rahman, Mohamad Anwar Zakaria, Nurul Shazwani Nordin & Nur Ains Syafiqah Rahmat. (2020). Sorotan Literatur Kajian Penentuan Had Kifayah di Malaysia. In E-Prosiding [eISSN: 2710-6462] (pp. 34–40).
- Azman Ab Rahman, Norlina Ismail, Siti Zulaikha Mokhtar dan Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin (2016). Isu Kontemporari Had Kifayah Zakat dan Pengurusan di Malaysia. Nilai: Penerbit USIM.

- Dar al-Ifta’ alMisriyyah. [dar-alifta.org/ar](http://dar-alifta.org/ar)
- Dar al-Ifta’, Jordan. <https://www.aliftaa.jo/>
- Hussain, M. A., Azhar, A., & Badarulzaman, M. H. (2021). Analisis prosedur saringan permohonan zakat di negeri-negeri terpilih di malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(2), 129.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin bin Umar. (1992). *Radd al-Muhtar ala al-Dur al-Mukhtar*. Dar al-Fikr. Beirut.
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram. 1990. *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qudamah, Abd al-Rahman bin Muhammad. (t.th). *al-Syarh al-Kabir ala Matan al-Muqni’*. Dar al-Kitab al-Arabi.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah Melaka 2022.
- Mansor Sulaiman, Hasan Ahmad, Ahmad Irfan Ikmal Hisham, Noradilah Md Nordin & Saharudin Ramli. (2013). Had al-Kifayah di kalangan masyarakat Islam: Merungkai keperluan kaedah penentuan garis miskin dan kaya berasaskan sunnah di Malaysia. Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah (Musnad 2) : Realiti Dan Cabaran, 3-4 July 2013, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1–14.
- Muhammad Hisyam, Dahlan, Saiful Nizam, Ahmad Zia & Imaaduddin. (2023). Penentuan Kerangka Had Kifayah Negeri Pulau Pinang : Pandangan Fuqaha Terhadap Had al-Kifayah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8(52), 8–20. <http://doi.org/10.55573/JISED.085202>
- Nur Fatin Adilah Rohaizan, Mohd Ali Mohd Noor & Hairunnizam Wahid. (2020). Peningkatan Kemiskinan: Peranan Had Kifayah dalam Bantuan Zakat. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 54(3), 41–58. <http://doi.org/10.17576/JEM-2020-5403-04>
- Portal Rasmi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. (2023). Kalkulator had kifayah, <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/kalkulator1>. 10 Ogos 2023.
- Portal Rasmi Majlis Agama Islam Melaka. Golongan penerima zakat MAIM, Syarat permohonan <https://www.maim.gov.my/index.php/ms/agihan-zakat/golongan-penerima-zakat>. 9 Ogos 2023
- Wahbah al-Zuhaily, (1989). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, c.3, Syria: Dar al-Fikr.
- Yusuf Al-Qardawi. (1994). *Fiqh al-Zakat, Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Dau’ al-Qur'an wa al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Zulfaqar Mamat & Hamzah Abd al-Karen Hamad. (2018). Penentuan Had Kifayah dan Elemen Keperluannya Dalam Pembahagian Zakat Semasa. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7(June 2018), 105–127.